

**Bidang Penyelidikan Pertahanan Boleh Dikembangkan, Titah Tuanku Mizan Bernama
2 Oktober , 2011**

KUALA LUMPUR, 2 Okt (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Mizan Zainal Abidin bertitah penyelidikan dalam bidang pertahanan dan keselamatan negara perlu terus berkembang demi menjamin keharmonian negara.

"Kita juga mempunyai potensi untuk meneroka bidang-bidang baru dalam teknologi persenjataan dan pertahanan yang potensinya amat besar," titah Seri Paduka pada konvokesyen Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) di sini, hari ini.

Isu pemerdagangan manusia turut menarik perhatian Tuanku Mizan, yang berharap penyelidik tempatan mencari penyelesaian kepada masalah itu.

Selain itu, Tuanku Mizan bertitah Kementerian Pengajian Tinggi diharap meningkatkan prasarana di UPNM sesuai dengan kedudukannya sebagai sebuah universiti bertaraf antarabangsa.

Sementara itu, 407 pegawai kadet yang menamatkan pengajian selama empat hingga lima tahun dalam pelbagai bidang ditauliahkan pada majlis itu.

Pertauliahkan itu melayakkan mereka berkhidmat dengan Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Pada majlis itu, Tuanku Mizan menyampaikan anugerah Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Keselamatan Dalam Negeri) kepada Tun Mohammed Hanif Omar yang menjadi Ketua Polis Negara termuda ketika berusia 35 tahun dan berkhidmat selama 20 tahun dalam pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

"Bagi saya, berkhidmat dalam pasukan tentera dan polis adalah bidang kerjaya yang mulia dan dihormati. Kerjaya ini bukan untuk mendapat kesenangan atau kekayaan sebaliknya berbakti kepada negara tercinta ini," kata Hanif, 72, dalam ucapan beliau.

Selain itu, Ijazah Kehormat Sarjana Peperangan Menentang Penganas dianugerahkan kepada Kapten Hamid Awang, 63, kerana ketokohan dan keberanian beliau dalam menentang penganas komunis.

Beliau merupakan satu-satunya pegawai ATM yang menerima anugerah Pingat Seri Pahlawan Negara yang masih hidup dan masih aktif dalam aktiviti kebajikan dan sukarelawan terutama dalam Persatuan Bekas Tentera.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=617152>